



SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2024

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN KEAHLIAN JAWATANKUASA PENYELARASAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj),
JAWATANKUASA PENILAIAN KERJA DAN JAWATANKUASA PENILAIAN SATU (1) PERINGKAT
BAGI PEROLEHAN YANG MELEBIHI RM500 RIBU**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 15/2024 telah meluluskan pindaan bagi keahlian Jawatankuasa Penyelarasan PTj, Jawatankuasa Penilaian Kerja dan Jawatankuasa Penilaian Satu (1) Peringkat bagi semua jenis perolehan yang melebihi RM500 ribu. Pindaan yang telah diluluskan oleh MPU adalah seperti berikut:

- i. Pelantikan Timbalan-Timbalan Naib Canselor (TTNC) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan PTj, Jawatankuasa Penilaian Kerja dan Jawatankuasa Penilaian Satu (1) Peringkat seperti berikut:
 - a) Perolehan PTj akan dipengerusikan oleh TTNC mengikut senarai portfolio seperti di **Lampiran 1 Senarai Portfolio Timbalan Naib Canselor**.
 - b) Perolehan PTj yang melibatkan projek penyelidikan perlu dipengerusikan oleh TNC Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi.
 - c) Perolehan Universiti yang digunakannya oleh semua PTj umum boleh dipengerusikan oleh mana-mana Timbalan Naib Canselor.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

- ii. MPU juga bersetuju bagi perolehan HCTM dan HPKK, Jawatankuasa Penyelarasan PTj, Jawatankuasa Penilaian Kerja dan Jawatankuasa Penilaian Satu (1) Peringkat perlu dipengerusikan oleh Pengarah HCTM bagi perolehan HCTM manakala perolehan bagi HPKK perlu dipengerusikan oleh Pengarah HPKK.
 - iii. Selain itu, Ketua PTj perlu dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penyelarasan PTj, Jawatankuasa Penilaian Kerja dan Jawatankuasa Penilaian Satu (1) Peringkat bagi perolehan yang berkaitan.
 - iv. Berikut adalah komposisi keahlian bagi jawatankuasa tersebut bagi perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu:
 - a) Pengerusi - TNC/ Pengarah HCTM/ Pengarah HPKK seperti Perkara 2 (i)
 - b) Ahli - Ketua PTj dan
 - c) Ahli - Ahli yang dilantik dikalangan Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) Gred 41 ke atas
 - d) Setiausaha - Wakil PTj bagi perolehan yang berkaitan
 - v. Keahlian Jawatankuasa digalakkan sekurang-kurangnya lima (5) orang dan digalakkan ahli yang dilantik dari PTj yang berbeza mengikut kepakaran dalam perolehan yang berkaitan.
 - vi. Korum keahlian adalah seramai 3 orang tidak termasuk Setiausaha.
3. Selain itu, kelulusan bagi pelantikan keahlian Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga atau Tender di **UKM-SPKPPP-PP03-GP07-BO01 Borang Lantikan Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian Sebut Harga atau Tender** bagi perolehan yang melebihi RM200 ribu perlu mendapat kelulusan daripada TTNC/ Pengarah HCTM/ Pengarah HPKK sepertimana yang dijelaskan di para 2 (i) dan (ii).
4. Untuk makluman YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeliling ini akan **berkuatkuasa mulai 22 Oktober 2024**. Pekeliling ini adalah terpakai bagi semua PTj di UKM, HCTM dan HPKK serta entiti di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari


5. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Bahagian Perolehan Jabatan Bendahari di talian 5033/ 3131/ 3553 atau emel bahagianperolehan@ukm.edu.my.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“KEKAL BERINTEGRITI”

Yang benar,



MOHD AZLI MOHD KASIRUN c.A.(M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategik dan Pembangunan Korporat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan & Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Pustakawan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tunku Muhriz (HCTM)
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my